



TERMA DAN SYARAT RHB FAMILY BANKING

Terma dan Syarat RHB Family Banking ini ("Terma dan Syarat") hendaklah dibaca bersama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Umum Perbankan Peribadi RHB. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat Umum Perbankan Peribadi RHB, Terma dan Syarat Umum Perbankan Peribadi RHB hendaklah diutamakan.

1. Definisi

Dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut mempunyai maksud berikut:

- (i) "CASA" bermaksud akaun semasa atau akaun simpanan pelanggan Program yang dikendalikan dengan RHB Bank;
- (ii) "CASA-i" bermaksud akaun semasa-i atau akaun simpanan-i pelanggan Program yang dikendalikan dengan RHB Islamic Bank;
- (iii) "Family Banking" bermaksud konsep perbankan yang membolehkan pemegang akaun RHB dalam satu keluarga untuk saling berinteraksi, mengurus bersama dan mendapatkan ganjaran terkumpul bersama.
- (iv) "Akaun Simpanan Junior" merujuk kepada mana-mana 3 jenis akaun yang pelanggan boleh buka dengan RHB Bank dan/atau RHB Islamic Bank, iaitu:
 - a) Akaun Amanah: Individu berumur 30 hari hingga 12 tahun (dibuka dengan ibu bapa atau penjaga sah)
 - b) Akaun Minor: Individu berumur 12 hingga 18 tahun (ibu bapa / penjaga sah kanak-kanak di bawah umur mesti hadir semasa pembukaan akaun)
 - c) Akaun Bersama: Individu berumur 12 hingga 18 tahun (dibuka dengan ibu bapa atau penjaga sah)
- (v) "Family Circle" bermaksud kebolehan menghubungkan bersama akaun CASA/-i individu ahli keluarga untuk tujuan Program, mengenengahkan pelbagai ciri, fungsi, dan keistimewaan yang terpakai untuk pelanggan di bawah Program.
- (vi) "Family ID" bermaksud kod unik yang dijana dan diberikan kepada setiap keluarga di bawah Program ini. Setiap Family Circle akan mempunyai ID Keluarga sendiri dan ID ini akan digunakan untuk mengenalpasti dan menghubungkan individu ke Family Circle mereka.
- (vii) "PFM" bermaksud keupayaan pengurusan kewangan peribadi yang disediakan



kepada Pelanggan Layak sebagai sebahagian daripada Program.

- (viii) "Program" bermaksud konsep Family Banking by RHB yang diperkenalkan untuk pemegang akaun RHB yang mencari perkhidmatan pengurusan kewangan keluarga yang bersepadu.
 - (ix) "RHB" bermaksud secara kolektif, RHB Bank dan RHB Islamic Bank;
 - (x) "RHB Bank" bermaksud RHB Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M));
 - (xi) "Ciri & Fungsi Istimewa RHB Family Banking" bermaksud ciri, faedah dan ganjaran yang ditawarkan oleh RHB pada produk dan perkhidmatan di bawah Terma dan Syarat ini atau yang mungkin ditawarkan oleh RHB dari semasa ke semasa secara eksklusif kepada pelanggan di bawah Program;
 - (xii) "RHB Islamic Bank" bermaksud RHB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V));
- a. Perkataan yang merujuk kepada bilangan tunggal adalah termasuk bilangan jamak, dan sebaliknya;
 - b. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki adalah merangkumi jantina perempuan dan jantina neutral, dan sebaliknya.

2. Program ini terbuka kepada pelanggan berikut ("Pelanggan Layak")

- 2.0.1 Pelanggan baru RHB yang membuka mana-mana akaun CASA atau CASA-i untuk melanggan Program;
 - 2.0.2 Pelanggan sedia ada RHB yang menggunakan akaun CASA atau CASA-i mereka untuk melanggan Program; atau
 - 2.0.3 Individu/entiti berikut tidak layak untuk menyertai Program:
 - a. Perniagaan komersial, korporat, milikan tunggal, perkongsian, organisasi amal/bukan untung, persatuan, sekolah dan syarikat;
- 2.1 Akaun yang boleh mengambil bahagian dalam Program ini adalah semua akaun yang tersedia disenaraikan di laman Pembukaan Akaun Dalam Talian RHB seperti yang dilihat dalam <https://onlinebanking.rhbgroup.com/my/olacasa/explore>.

3. Butiran Program dan Terma Penggunaan

Dengan menyertai Program, pelanggan bersetuju dengan yang berikut:



- 3.0.1 Pelanggan Layak akan mempunyai akses kepada ciri dan fungsi pengurusan kewangan keluarga di bawah Program ini dan seperti yang dilihat dalam www.rhbgroup/deposits/rhb-family-banking/index.html
- 3.0.2 *Family Dashboard*, iaitu skrin pengurusan kewangan keluarga akan memaparkan butiran seperti simpanan bersama keluarga, profil produk kewangan ahli keluarga bersama RHB, akan menyediakan pandangan menyeluruh untuk membantu seisi keluarga dengan perancangan kewangan keluarga mereka.
- 3.0.3 Kebenaran akan diminta daripada Pelanggan Layak melalui pendaftaran dalam talian sebelum menghubungkan akaun terpilih dalam Family Circle mereka; hanya akaun-akaun ini akan dipaparkan dalam papan pemuka pengurusan kewangan peribadi ("PFM") yang dikongsi bersama keluarga.
- 3.0.4 Pelanggan Layak mungkin menerima informasi dan tips berkaitan RHB Family Banking dan Family Circle mereka melalui e-mel dan notifikasi telefon yang didaftarkan untuk membantu pengurusan kewangan keluarga mereka, seperti cadangan produk, tips kewangan dan pengesyoran produk kewangan RHB untuk mencapai matlamat kewangan keluarga masing-masing.
- 3.0.5 Setiap *Family Circle* dalam Program akan diberikan dan dikenalpasti dengan kod keluarga unik mereka sendiri ("Family ID").
- 3.0.6 Maksimum lima (5) akaun CASA atau CASA-i individu dibenarkan untuk dihubungkan di bawah Family Circle yang sama. Sebarang Akaun Simpanan Junior tambahan yang dimiliki oleh individu tersebut juga boleh ditambahkan ke dalam Family Circle tanpa sebarang had.
- 3.0.7 Hanya pemilik utama, iaitu pencipta Family Circle tersebut akan mempunyai akses pentadbiran ahli keluarga, termasuk meluluskan atau menolak sebarang permintaan untuk menyertai Family Circle mereka.
- 3.0.8 Kebenaran untuk penghubungan akaun di bawah suatu Family Circle boleh ditarik balik oleh mana-mana ahli keluarga pada bila-bila masa dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, seperti yang dinyatakan dalam Klausa 7, Terma Penggunaan, Sokongan Pelanggan dan Tahap Perkhidmatan di bawah.

4. Ciri & Keistimewaan RHB Family Banking

- 4.0 RHB mungkin, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, menawarkan ciri dan keistimewaan pada produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pelanggan Layak. Senarai ciri dan keistimewaan boleh dilihat di laman web



RHB di www.rhbgroup/deposits/rhb-family-banking/index.html.

- 4.1 Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat produk atau perkhidmatan yang berkenaan atau berasingan daripada Terma dan Syarat ini. Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat produk atau perkhidmatan yang berkenaan dan/atau untuk melihat dan mendapatkan salinan terma dan syarat produk atau perkhidmatan tersebut, sila lawati mana-mana cawangan kami atau laman web korporat RHB di <https://www.rhbgroup.com/products-services/index.html>.
- 4.2 Semua manfaat produk yang diperuntukkan sebagai sebahagian daripada Ciri & Keistimewaan RHB Family Banking mesti dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Perbankan Peribadi RHB yang boleh dilihat di laman web RHB di https://www.rhbgroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Others-TnCs/Updated/personal_banking_tnc_bm.pdf
- 4.3 Untuk menikmati Ciri & Keistimewaan RHB Family Banking yang berkenaan, Pelanggan Layak mesti memenuhi kriteria berkaitan dengan Ciri & Keistimewaan RHB Family Banking dan kriteria selanjutnya yang mungkin ditetapkan atau dikenakan oleh RHB untuk Program.
- 4.4 RHB berhak untuk menggantung, membatalkan, menamatkan, menyekat atau menarik balik Ciri & Keistimewaan RHB Family Banking secara keseluruhan atau sebahagian dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak. RHB juga berhak untuk menyemak semula, mengubah suai atau meminda Ciri & Keistimewaan RHB Family Banking secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan.
- 4.5 Sebarang semakan, pengubahsuaian, penggantungan, pembatalan, penamatan, pindaan, sekatan, atau penarikan balik semua atau mana-mana Ciri-ciri dan Keistimewaan RHB Family Banking tidak akan melayakkan Pelanggan Layak dan/atau mana-mana individu untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap RHB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak dan/atau mana-mana individu akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan semakan, pengubahsuaian, penggantungan, pembatalan, penamatan, pindaan, sekatan, atau penarikan balik tersebut, kecuali jika perkara tersebut disebabkan oleh



kecuaian melampau, salah laku disengajakan, keingkaran disengajakan, atau penipuan oleh pihak RHB.

- 4.6 RHB berhak, menurut budi bicara untuk mengembalikan kadar faedah/keuntungan, rebat, dan keistimewaan yang ditawarkan kepada Pelanggan Layak di bawah Program kepada kadar asal dalam masa enam puluh (60) hari bekerja selepas keluar dari Program.

5. Penggantungan atau Penamatan Perkhidmatan

- 5.0 RHB tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak lain, berkaitan dengan perkara berikut:
- a. Sama ada Pelanggan Layak memanfaatkan atau tidak memanfaatkan, serta menggunakan atau tidak menggunakan Ciri-ciri dan Keistimewaan RHB Family Banking;
 - b. Tindakan RHB untuk menamatkan atau menggantung hak Pelanggan Layak untuk menikmati atau menggunakan Ciri-ciri dan Keistimewaan RHB Family Banking, kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku dan kelalaian secara sengaja atau penipuan oleh pihak kami.

6. Terma dan Syarat Umum

- 6.0 Penggunaan Ciri-ciri dan Keistimewaan Perbankan Keluarga RHB akan dianggap sebagai persetujuan oleh Pelanggan Layak untuk terikat dengan Terma dan Syarat Perbankan Keluarga RHB ini.
- 6.1 Pelanggan Layak bersetuju bahawa keputusan RHB berhubung setiap aspek Ciri-ciri dan Keistimewaan RHB Family Banking adalah adalah muktamad dan terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian, sila rujuk Pusat Hubungan Pelanggan RHB atau *Ombudsman for Financial Services (OFS)*, sepertimana yang dinyatakan dalam Klausu 7.1.
- 6.2 Pelanggan Layak mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan Perbankan RHB (yang boleh didapati di <https://www.rhbgroup.com/~media/files/malaysia/pdf/privacy-notice.ashx>) dan klausu dalam Terma dan Syarat ini, termasuk pemprosesan maklumat peribadi



mereka. Pelanggan Layak juga memahami dan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap sebagai terkandung di dalam Terma dan Syarat ini.

- 6.3 Pelanggan Layak tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Perbankan Peribadi RHB.
- 6.4 Pelanggan Layak bersetuju bahawa mereka tidak akan menuntut RHB bertanggungjawab dan/atau dipersalahkan atas sebarang kegagalan berkaitan dengan Program disebabkan oleh sebarang bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekacauan awam, atau tindakan pengganas yang tidak disebabkan oleh kecuaiian melampau, salah laku disengajakan, keingkaran disengajakan, atau penipuan oleh pihak RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil, dan ejennya.
- 6.5 RHB berhak, dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu dengan alasan kepada Pelanggan Layak sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan, untuk mengubah (sama ada penambahan, penghapusan, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya ("Pindaan")) mana-mana Terma dan Syarat ini.
- 6.6 Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, sebarang notifikasi kepada Pelanggan Layak berkaitan Pindaan dan semua notis serta komunikasi oleh RHB berhubung Program ini akan dibuat mengikut budi bicara RHB melalui kaedah komunikasi berikut:
 - a. melalui e-mel atau bentuk komunikasi elektronik lain (termasuk SMS) kepada nombor hubungan terakhir yang diketahui, nombor telefon mudah alih berdaftar atau alamat e-mel Pelanggan Layak dalam rekod RHB; atau
 - b. paparan di premis RHB, termasuk cawangan-cawangan; atau
 - c. penerbitan di Laman Sesawang RHB, www.rhbgroup.com; atau
 - d. pemberitahuan dalam media massa.
- 6.7 Kecuali Pelanggan Layak memaklumkan RHB secara bertulis dalam tempoh notis bahawa Pelanggan Layak tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut, Pindaan tersebut akan dianggap terguna pakai terhadap Pelanggan Layak bermula dari dua puluh satu (21) hari kalendar selepas pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh kemudian (selepas tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar



yang ditetapkan) seperti yang akan dinyatakan oleh RHB dalam pemberitahuan tersebut.

- 6.8 Terma dan Syarat ini boleh diubah dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kekaburan atau percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana bahan risalah, bahan pemasaran atau bahan promosi yang berkaitan dengan Program, Terma dan Syarat ini hendaklah diutamakan.
- 6.9 Masa adalah elemen penting. Walau bagaimanapun, kegagalan atau kelewatan RHB dalam melaksanakan atau menguatkuasakan hak, kuasa, keistimewaan, atau tindakan pembetulan terhadap Pelanggan Layak tidak akan dianggap sebagai pelucutan hak, kuasa, keistimewaan, atau tindakan pembetulan tersebut. Sebarang pelaksanaan sebahagian daripada hak, kuasa, keistimewaan, atau tindakan pembetulan tidak akan menjejaskan hak RHB untuk bertindak sepenuhnya mengikut hak tersebut pada masa akan datang.
- 6.10 Ketidakpatuhan, ketidakabsahan atau ketidakbolehuatkuasaan mana-mana terma dan syarat dalam Terma dan Syarat ini tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehlaksanaan mana-mana terma dan syarat lain dalam Terma dan Syarat ini.
- 6.11 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada, ditadbir, dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia serta peraturan, garis panduan, dan peraturan Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank di Malaysia, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia, dan badan berkaitan lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Pelanggan Layak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 6.12 Walaupun terdapat apa-apa dalam Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan RHB di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan serta akan kekal walaupun selepas penamatan atau penggantungan Ciri & Keistimewaan RHB Family Banking oleh RHB.
- 6.13 Terma dan Syarat ini adalah tambahan dan tidak terkecuali daripada mana-mana susunan khusus berkaitan penggunaan atau kenikmatan Ciri & Fungsi Istimewa RHB Family Banking pada masa ini dan pada masa akan datang di antara RHB dan Pelanggan Layak atau apa-apa terma dan syarat yang



dinyatakan di dalam mana-mana surat atau notis yang dikeluarkan oleh RHB dari semasa ke semasa.

- 6.14 Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan dan bukan pengecualian kepada sebarang pengaturan khusus berkenaan penggunaan atau kenikmatan Ciri & Keistimewaan RHB Family Banking yang ada atau akan ada pada masa depan antara RHB dan Pelanggan Layak atau sebarang terma dan syarat yang mungkin ditentukan dalam mana-mana surat atau notis yang diberikan oleh RHB dari semasa ke semasa.
- 6.15 Terma dan Syarat ini akan mengikat pengganti hak milik dan penyerahan RHB serta harta, wakil peribadi dan pengganti hak milik Pelanggan Layak masing-masing, dan hak serta kewajipan Pelanggan Layak dalam Terma dan Syarat ini tidak boleh dipindahkan atas apa-apa sebab sekalipun.
- 6.16 Terma dan Syarat ini adalah tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau peraturan dan undang-undang yang mengatur operasi, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berkaitan dengan dan/atau timbul daripada akaun CASA atau CASA-i yang dikendalikan dengan RHB.
- 6.17 Sebarang notis atau dokumen adalah tertakluk pada Program:
 - a. Jika dalam kes e-mel atau bentuk komunikasi elektronik lain (termasuk SMS), tiada mesej ralat penghantaran diterima; atau
 - b. Dalam kes paparan di premis RHB, pada tarikh notis dipaparkan di premis RHB; atau
 - c. Dalam kes paparan di laman web RHB, pada tarikh notis dipaparkan di laman web RHB; atau
 - d. Dalam kes iklan, pada tarikh notis dipaparkan di surat khabar pilihan RHB.

7. Terma Penggunaan, Sokongan Pelanggan dan Tahap Perkhidmatan

- 7.0 Aliran kerja sokongan pelanggan untuk pelanggan Family Banking adalah seperti berikut.



	Titian Hubungan: Pusat Hubungan Pelanggan RHB
Nombor telefon	03-9206 8118
E-mel	familybanking@rhbggroup.com
Waktu Operasi	24/7
Jenis Pertanyaan Pelanggan Yang Dikendalikan	• Pertanyaan berkaitan pembukaan akaun RHB • Pertanyaan berkaitan Program Perbankan Keluarga • Pertanyaan berkaitan penciptaan Family Circle dan penyediaan akaun • Isu teknikal berkaitan Perbankan Keluarga oleh RHB • Isu teknikal berkaitan produk/perkhidmatan sedia ada RHB • Pertanyaan umum lain berkaitan produk/perkhidmatan RHB

7.1 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila kunjungi mana-mana cawangan RHB di seluruh negara, atau hubungi Pusat Hubungan RHB seperti berikut:

RHB Customer Contact Centre

Manager,

E-mel: customer.service@rhbggroup.com

Nombor Telefon: 03-92068118

RHB Online Banking: <https://rhbggroup.com/personal/banking-methods/contactus.html>

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian berkaitan Program, sila rujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) di 03-2272 2811.

Ketahui lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kami melalui pautan berikut:

- Produk dan Perkhidmatan: www.rhbggroup.com
- Terma & Syarat: www.rhbggroup.com/others/terms-conditions/index.html
- Perbadanan Deposit Insurans Malaysia (PIDM): www.pidm.gov.my/en/

-Tamat-